



Factsheet CAT09

Kategori-kategori kerja berkenaan kanak-kanak

9: khidmat kesihatan kanak-kanak komuniti



Malay | Bahasa Melayu

Khidmat kesihatan **kanak-kanak (child)** komuniti disediakan untuk kanak-kanak sahaja dan semua kanak-kanak dalam satu kawasan atau komuniti, bukan untuk segala peringkat umur. Jangan keliru dengan kategori 13: wad di hospital swasta atau kerajaan.

Kategori ini termasuk khidmat kesihatan kanak-kanak yang berikut:

- Hospital Kanak-Kanak Perth
- perkhidmatan kesihatan kanak-kanak
- perkhidmatan kesihatan sekolah
- perkhidmatan pembangunan kanak-kanak
- perkhidmatan kesihatan mental untuk kanak-kanak dan remaja
- perkhidmatan kesihatan bergerak untuk anak muda yang menghadapi bahaya

Jawatan yang dianggap kerja berkenaan kanak-kanak

Di bawah ini ada beberapa jawatan yang dianggap kerja berkenaan kanak-kanak. Harap ingat, dalam semua hal, jawatan itu dianggap kerja berkenaan kanak-kanak kalau **tugas biasa (usual duties)** jawatan itu mesti ada, atau boleh dikatakan ada, **kontak (contact)** dengan seorang kanak-kanak. Jawatan yang berkenaan termasuk:

- semua pekerja, **sukarelawan (volunteers)**, konsultan atau pakar yang ada kontak dengan kanak-kanak dalam tugas mereka yang biasa di Hospital Kanak-Kanak Perth
- pakar dan orang lain yang bekerja dalam perkhidmatan kesihatan kanak-kanak yang ada kontak dengan kanak-kanak dalam tugas biasa
- jururawat kesihatan kanak-kanak
- jururawat kesihatan sekolah.

Exemption (kelonggaran)

Ada beberapa exemption untuk kategori ini:

- sukarelawan remaja yang umurnya kurang 18 tahun

- **pelajar (students)** yang menjalani latihan praktikal tidak dibayar gaji dan umurnya kurang 18 tahun
- **pelawat yang tinggal tidak lama (short-term visitors)** di WA
- kalau kanak-kanak mengikuti aktiviti, atau biasanya mengikuti aktiviti, dan **ibu atau bapanya (parent)** menjadi sukarelawan dalam aktiviti yang sama, lihat [Factsheet CRW03 – Exemptions, the parent volunteer exemption.](#)

Makna perkataan **huruf tebal** boleh diketahui dalam glosari Working with Children Check di www.workingwithchildren.wa.gov.au